

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Wujud medan buah-buahan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan) | | |
| Date | 01 Apr 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 18 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 204 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,429 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,287 |



Samudin (kiri) mengagihkan buah-buahan kepada murid sekolah ketika Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan dan Sayur-sayuran Tempatan peringkat negeri di MITC.

Wujud medan buah-buahan

AYER KEROH - Fama Melaka akan terus meningkatkan pendapatan peniaga Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) di negeri ini, menerusi projek medan buah-buahan tempatan di Taboh Naning, Alor Gajah.

Pengaruhnya, Samudin Hasan berkata, projek pertama kali di negeri ini dan dijangka dilaksanakan bermula awal tahun depan itu dianggarkan melibatkan kos pembinaan RM500,000.

Menurutnya, pembinaan itu sebagai salah satu usaha Fama untuk memperkenalkan jualan buah-buahan tempatan di Melaka dan akan beroperasi setelah pembinaan itu berjaya disiapkan pada akhir tahun ini.

"Sebuah medan buah-buahan tempatan di Taboh Naning akan dibina bagi menempatkan buah-buahan bermusim.

"Kita akan menempatkan kira-kira 10

peniaga buah yang akan menjual buah-buahan bermusim seperti durian, manggis serta rambutan dan akan menjadi tumpuan pengunjung," katanya.

Samudin berkata demikian kepada pemberita selepas Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan dan Sayur-sayuran Tempatan peringkat negeri di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini.

Samudin berkata, selain pembinaan tersebut, Fama juga akan menambah dua Outlet GBBS menjadikan jumlah keseluruhan di Melaka sebanyak 30 outlet sepanjang tahun ini.

Menurutnya, selain itu seramai 23 peniaga buah telah menyertai GBBS serta berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5 juta selain meletakkan sasaran RM6 juta nilai jualan pada tahun.